



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU PERTAMA 2021

Pasaran buruh mengalami ketidaktentuan momentum pemulihan pada suku pertama 2021

PUTRAJAYA, 21 Mei 2021 – Pasaran buruh Malaysia mengalami ketidaktentuan momentum pemulihan pada suku pertama 2021 berikutan langkah bersasar bagi membendung krisis kesihatan awam negara yang berlarutan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam keluaran terkini Sorotan Pasaran Buruh, Suku Pertama 2021 (LMR ST1 2021). Laporan ini menggabungkan statistik buruh suku tahunan dalam naratif bagi memberikan gambaran yang komprehensif berhubung pasaran buruh Malaysia.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Mekanisme yang lebih sistematik dan bersasar bagi meratakan gelombang ketiga COVID-19 dengan mengimbangi kestabilan sektor ekonomi telah menyaksikan ekonomi mencatatkan penurunan tahun ke tahun yang lebih perlahan iaitu 0.5 peratus pada suku pertama 2021 berbanding penyusutan 3.4 peratus pada suku sebelumnya. Selaras dengan ini, kemasukan ke pasaran buruh meningkat seperti digambarkan oleh penurunan kecil kadar penyertaan tenaga buruh sebanyak negatif 0.2 mata peratus kepada 68.6 peratus berbanding penurunan 0.6 mata peratus pada suku keempat 2020.

Dari segi penawaran buruh, penduduk bekerja merekodkan penurunan kecil tahun ke tahun sebanyak 7 ribu kepada 15.24 juta orang pada suku pertama 2021 berbanding pengurangan 93 ribu pada suku sebelumnya. Namun begitu, bilangan penganggur kekal tinggi sejak suku kedua 2020, dengan tambahan 225 ribu daripada 547 ribu orang (ST1 2020) kepada 772 ribu orang penganggur pada suku ini. Justeru, kadar pengangguran meningkat 1.3 mata peratus tahun ke tahun kepada 4.8 peratus (ST1 2020: 3.5%). Oleh yang demikian, bilangan tenaga buruh naik 1.4 peratus mencatatkan 16.01 juta orang (ST1 2020: 15.79 juta orang). Dalam tempoh yang sama, luar tenaga buruh meningkat 2.1 peratus (ST4 2020: 3.6%) kepada 7.32 juta orang (ST1 2020: 7.16 juta orang). "

Berhubung perkara ini, artikel yang diketengahkan dalam LMR ST1 2021 menganalisis trend dan profil penduduk di luar tenaga buruh bagi tempoh 30 tahun. Lebih dua pertiga daripada penduduk luar tenaga buruh terdiri daripada perempuan

yang mana sebahagian besarnya berumur 15 hingga 34 tahun. Walaupun majoriti perempuan berada di luar tenaga buruh kerana tanggungjawab keluarga, komposisi mereka yang masih bersekolah atau mengikuti latihan terus meningkat. Sementara itu, sebahagian besar lelaki yang berada di luar tenaga buruh adalah dalam kumpulan umur belia kerana masih bersekolah atau mengikuti latihan. Bilangan golongan muda berumur 25 hingga 34 tahun yang ramai di luar tenaga buruh boleh dikaitkan dengan tempoh pengajian yang lebih panjang. Ini dilihat sebagai perkembangan yang positif yang mana lebih ramai yang mempunyai pendidikan tinggi berpotensi memasuki pasaran buruh. Oleh kerana hampir separuh yang berada di luar tenaga buruh kerana tanggungjawab keluarga, antara penyelesaian bagi meningkatkan penyertaan dalam pasaran buruh adalah aturan kerja yang fleksibel, kerja jarak jauh dan pendigitalan.

Berhubung permintaan buruh, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Setelah pelaksanaan pelbagai tahap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara sejak Januari 2021, lebih banyak aktiviti ekonomi dibuka semula secara beransur-ansur dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard yang ketat sejak pertengahan Februari dan awal Mac. Oleh itu, permintaan buruh pada suku ini menurun pada kadar yang lebih perlahan iaitu 1.5 peratus (ST4 2020: -2.4%) merekodkan 8.44 juta jawatan berbanding suku pertama 2020 (8.57 juta). Penurunan dalam bilangan jawatan disumbangkan oleh pengurangan 141 ribu jawatan diisi kepada 8.26 juta. Walaupun pertubuhan berdepan dengan cabaran kerana pandemik, kekosongan jawatan dalam sektor ekonomi naik 12 ribu kepada 178 ribu, menunjukkan permintaan pekerjaan yang lebih banyak berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, 17 ribu jawatan diwujudkan yang mana lebih separuh adalah dalam kategori separuh mahir."

Berkaitan dengan permintaan pekerjaan dalam sektor ekonomi, artikel kedua dalam LMR ST1 2021 membincangkan trend permintaan dalam pasaran buruh berdasarkan maklumat kekosongan jawatan yang diiklankan dalam empat portal pekerjaan terpilih. Secara purata, terdapat 27,409 kekosongan jawatan diiklankan setiap bulan sebelum pandemik COVID-19. Namun begitu, jumlah kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian menunjukkan trend penurunan sejak Januari 2020, kesan daripada pandemik dan langkah pengekangan yang berkaitan.

Produktiviti buruh per pekerja pada ST1 2021 bertambah baik dengan penurunan marginal 0.4 peratus (ST4 2020: -2.9%), pengurangan paling kecil sejak produktiviti buruh negara mula menurun pada ST1 2020. Susulan daripada waktu operasi perniagaan yang terhad semasa PKP 2.0, jumlah jam bekerja turun 0.9 peratus dari suku pertama 2020 kepada 8.54 bilion jam. Oleh kerana nilai ditambah turun pada negatif yang lebih kecil berbanding dengan kejatuhan jam bekerja, produktiviti buruh per jam bekerja pulih 0.4 peratus kepada RM40 per jam (ST4 2020: -0.8%). Statistik produktiviti buruh yang diterbitkan semalam menjelaskan prestasi produktiviti per pekerja dan per jam bekerja mengikut perincian sektor ekonomi.

Keadaan ekonomi yang mencabar sejak awal 2020 telah memberi kesan kepada kumpulan rentan tertentu dalam pasaran buruh berbanding dengan kumpulan lain. Salah satu isu utama yang harus ditangani dalam mengharungi keadaan yang sukar ini adalah kebajikan pekerja. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan mulai 2020 adalah strategi tiga serangkai iaitu pengekalan pekerjaan, melindungi hak pekerja dan mewujudkan peluang pekerjaan bagi membantu golongan yang terjejas menghadapi cabaran berikutan pandemik COVID-19. Ianya sejajar dengan matlamat kelapan Agenda Pembangunan Mampan, yang mana antara lain menggalakkan guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua. Dalam melaksanakan perkara ini, usaha telah ditingkatkan dengan peluasan liputan jaringan keselamatan sosial kepada penduduk bekerja sendiri dan pemilik perniagaan informal.

Merumuskan prestasi pasaran buruh pada suku pertama 2021, Ketua Perangkawan berkata, “Walaupun didapati penurunan tahun ke tahun adalah lebih perlahan bagi kebanyakan indikator yang mana menunjukkan momentum pemulihan yang optimis, senario pasaran buruh pada suku ini belum kembali seperti tempoh sebelum COVID-19. Menuju hadapan, PKP 3.0 telah dilaksanakan mulai 12 Mei sehingga 7 Jun 2021 disebabkan jangkitan harian yang terus meningkat. Dengan cabaran baharu ini, para peniaga mungkin akan terus berdepan dengan situasi yang kurang memberangsangkan pada suku kedua 2021. Keadaan ini dijangka akan menyebabkan gangguan terhadap momentum pemulihan pasaran buruh. Dengan pematuhan prosedur operasi standard yang ketat oleh individu dan perniagaan, diharapkan PKP 3.0 dapat mengawal jumlah jangkitan harian serta mengurangkan risiko jangkitan kepada golongan rentan dan seterusnya menurunkan bilangan kematian kerana pandemik ini. Di samping itu, peningkatan penerimaan dos vaksin lengkap dalam kalangan masyarakat diharap dapat meredakan kebimbangan, memperbaiki sentimen perniagaan dan mengembalikan dinamik pasaran buruh negara.”

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di **www.mycensus.gov.my** atau media sosial **@MyCensus2020** untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
21 MEI 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT ***LABOUR MARKET REVIEW, FIRST QUARTER OF 2021***

Uneven labour market recovery momentum in the first quarter of 2021

PUTRAJAYA, 21 May 2021 – Malaysia's labour market experienced uneven recovery momentum in the first quarter of 2021 amidst targeted measures to manage the prolonged public health crisis in the country, Department of Statistics, Malaysia (DOSM) stated today in its latest release of Labour Market Review, First Quarter 2021 (LMR Q1 2021). This report consolidates quarterly labour statistics and highlighted the recent situation to provide a comprehensive narrative on Malaysia's labour market.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "A systematic and more targeted mechanism to flatten the third wave of COVID-19 while also attentively ensuring the stability of the economic sectors had seen the economy posting a slower year-on-year decline of 0.5 per cent in the first quarter of 2021 compared to a contraction of 3.4 per cent in the previous quarter. Along with this, more people participated in the labour market as reflected by smaller decrease in labour force participation rate by negative 0.2 percentage points to 68.6 per cent as against 0.6 percentage points decline in fourth quarter of 2020.

In terms of labour supply, employed persons recorded a slight year-on-year decline by 7 thousand to 15.24 million persons in the first quarter of 2021 compared to a fall of 93 thousand in the previous quarter. Nevertheless, unemployed persons remained high since second quarter of 2020, with an addition of 225 thousand from 547 thousand persons (Q1 2020) to record 772 thousand unemployed persons in this quarter. Accordingly, the unemployment rate increased 1.3 percentage points year-on-year to 4.8 per cent (Q1 2020: 3.5%). Consequently, the number of labour force grew 1.4 per cent registering 16.01 million persons (Q1 2020: 15.79 million persons). During the same period, outside labour force increased by 2.1 per cent (Q4 2020: 3.6%) to 7.32 million persons (Q1 2020: 7.16 million persons)."

In this regards, an article presented in LMR Q1 2021 analysed the trend and profile of persons outside labour force throughout the period of 30 years. Female made up more than two third of the population outside labour force, largely concentrated within the age of 15 to 34 years old. Although the majority of female were outside labour force due to family responsibilities, the proportion who were in school or

training continued to increase. Meanwhile, a large share of male outside labour force was in the youth age group due to schooling or training. A relatively high number of young people aged 25 to 34 years old non-participation in the labour force could be attributed by longer duration of education. This can be seen as a positive development as more potential labour force were attaining higher education. Since nearly half of the outside labour force because of housework or family responsibilities, the flexible working arrangement, remote working as well as digitalisation might be some of the possible solutions to increase their participation in the labour market.

As far as labour demand is concerned, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin commented, "Following implementations of various stages of Movement Control Orders (MCO) across the nation from January 2021, more economic activities had gradually resumed with adherence to strict standard operating procedures since mid-February and early March. Hence, labour demand during the quarter decreased at a smaller rate of 1.5 per cent (Q4 2020: -2.4%) to record 8.44 million jobs as against the first quarter of 2020 (8.57 million). The decrease in the number of jobs was contributed by decline of 141 thousand filled jobs to 8.26 million. Although businesses struggle to survive during this pandemic, job vacancies in the economic sector rose by 12 thousand to 178 thousand, indicating more jobs demand as compared to the same quarter in the preceding year. In the meantime, 17 thousand jobs were created with more than half were in semi-skilled category."

In relation to the jobs demand by economic sector, the second article in LMR Q1 2021 discussed trends of labour market demand using vacancies advertised in four selected job portals. On average, there were 27,409 job vacancies advertised each month before the COVID-19 pandemic. However, the volume of online job vacancies posting showed a declining trend from January 2020, indicating the pandemic's adverse impacts and its related containment measures.

Labour productivity per employment in Q1 2021 recorded an improvement with a marginal decline of 0.4 per cent (Q4 2020: -2.9%), the smallest decrease since the country's labour productivity began to decline in Q1 2020. As a result of limited business operation hours during MCO 2.0, total hours worked declined 0.9 per cent from the first quarter of 2020 to 8.54 billion hours. As value added dropped at a smaller negative compared to the fall in hours worked, labour productivity per hour worked rebounded to 0.4 per cent to RM40 per hour (Q4 2020: -0.8%). The statistics on labour productivity which was released yesterday detailed out the performance of labour productivity per employment and per hour worked by detailed economic sectors.

The challenging economic circumstances since early 2020 has been impacting certain vulnerable groups in the labour market more than the others. One of the fundamental issues that must be addressed in weathering the difficult time is the livelihood of these workers. Among the initiatives to ensure well-being of the workers, the government has adopted a three-pronged strategy in 2020 to retain job, protect workers' right and create job opportunities to help the people deal with the tribulations brought by the COVID-19 pandemic. This is also in line with the eighth goal of Sustainable Development Agenda which among others promote full & productive employment and decent work for all. In doing this, efforts have been increased to expand the network of social protection to also include own-account workers and informal business owners.

Concluding the labour market performance in the first quarter of 2021, the Chief Statistician said, "Year-on-year basis, although slower declines were observed for most of the indicators which signalled optimistic recovery momentum, the labour market scenario during the quarter has not return to the way it was during pre-COVID time. Looking ahead, MCO 3.0 is implemented from 12 May to 7 June 2021 as daily infections continue to climb up to a new high. With these new sets of challenges, the unfavourable situation faced by businesses might prolonged in the second quarter of 2021. This may cause some interference to the labour market recovery momentum. With individuals and businesses exercising stringent adherence to standard operating procedures, it is hoped that MCO 3.0 will help to contain the daily infections to a manageable number and reduce the risk of infections to the vulnerable population. Subsequently, it may reduce daily number of deaths due to the pandemic. Additionally, as more people completed their vaccinations, this might offer some relief, increase business confidence and may restore the labour market dynamics in the country."

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
21 MAY 2021**